

04 SEP 2003

MSC-PANEL/I

FASA 1 MSC BERJAYA ATASI MATLAMAT, KATA PANEL PENASIHAT

Oleh: Muin Abdul Majid

CYBERJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang bertemu hari ini menyatakan kekaguman mereka terhadap pengendalian MSC setakat ini walaupun menghadapi pelbagai masalah seperti kelembapan ekonomi global dan penularan SARS.

Sejak projek ini dilancarkan pada 1996 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bilangan syarikat berstatus MSC kini sebanyak 923 buah, di mana 59 daripadanya adalah syarikat bertaraf dunia.

Dalam tujuh tahun lepas, selain menarik kumpulan teras syarikat bertaraf dunia ke MSC, Malaysia telah melancarkan tujuh Aplikasi Perdana, dan mengadakan rangka kerja undang-undang siber serta membangunkan Cyberjaya dan Putrajaya sebagai bandar raya pintar.

Untuk fasa kedua dari 2003 hingga 2010, MSC akan dihubungkan dengan bandar raya siber lain di dunia, mewujudkan jaringan koridor dan mengadakan piawaian global dalam aplikasi perdana, dan menyeragamkan rangka kerja undang-undang siber global.

"Seperti semua peralihan, terdapat risiko. Tetapi Fasa 1 amat berjaya. Kami amat, amat gembira dengannya," kata pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Silicon Graphics Inc, Bob Bishop.

Ketika ditemui di pinggir pertemuan IAP-MSC yang dihadiri oleh 31 anggota panel dan wakil masing-masing di sini, beliau berkata kejayaan Fasa 1, antara lain, dapat digambarkan dalam bilangan syarikat yang terlibat di MSC dan 18,000 pekerjaan yang diwujudkan setakat ini.

"Dan jualan dan eksport komponen MSC adalah lebih tinggi daripada yang dijangka. Dan semua ini berlaku walaupun dengan krisis mata wang yang dihadapi pada 1997, kemerosotan ekonomi global dan baru-baru ini, penularan SARS," katanya.

Dalam Kaji Selidik Impak Tahunan MSC ke-4 yang dibuat pada Mei 2003, jumlah perbelanjaan syarikat berstatus MSC dilaporkan bernilai lebih RM3.61 bilion pada 2002. Jumlah perbelanjaan ini dijangka meningkat 23 peratus lagi pada 2003.

Hasilnya, jumlah jualan dijangka melonjak daripada RM5.83 bilion pada 2003 kepada RM7.68 bilion pada 2004.

Diunjurkan bahawa 17 peratus produk dan perkhidmatan yang diwujudkan di MSC akan keluar melepasi sempadan geografi untuk berada di pasaran eksport. Menjelang hujung 2003, jualan eksport akan mencakupi RM1.04 bilion daripada jumlah jualan yang diunjurkan.

Bishop berkata: "Saya tidak fikir dunia telah menyedari tentang kejayaan Fasa 1. Sememangnya, kita telah mengatasi matlamat yang kita buat untuk Fasa 1. Dan apabila diambil kira halangan yang dihadapi Malaysia, saya anggap Fasa 1 sebagai kemenangan besar."

Beliau berkata walaupun 18,000 pekerjaan telah diwujudkan, terdapat 3,000 kekosongan jawatan, dan ia baik untuk pelajar dan pekerja Malaysia yang mahu dikaitkan dengan MSC.

Bishop berkata selain melengkap tenaga manusianya dengan pendidikan tinggi, Malaysia mesti memastikan mereka mempunyai keupayaan untuk mewujudkan inovasi, keusahawanan dan kemahiran mengambil risiko serta bakat pemasaran.

"Mereka juga mesti mempunyai perspektif global kerana ekonomi maklumat adalah ekonomi global, bukan setakat ekonomi tempatan. Jadi, persoalannya adalah bagaimana anda hendak melatih manusia dalam semua dimensi ini," tambahnya.

Sementara itu, presiden ID Track, Robert Madge, berkata MSC menikmati momentum yang besar dan komitmen dari banyak negara.

"Fasa 1 amat berjaya. Saya fikir dalam banyak aspek ia lebih berjaya daripada yang dijangka, dan bagaimana ia telah dapat diteruskan walaupun menghadapi masalah, khususnya krisis kewangan empat tahun lepas," katanya.

Dengan Fasa 2, semuanya akan lebih menarik kerana projek ini telah mula menjadi lebih besar.

Madge juga berkata peralihan kepimpinan tidak akan memberi kesan besar kepada MSC.

Prof. William F. Miller dari Universiti Stanford turut melahirkan kekaguman yang serupa tentang pembangunan MSC yang beliau sifatkan sebagai lebih pesat daripada yang dijangka.

Beliau berkata usaha harus dibuat untuk memberikan lebih banyak publisiti kepada projek MSC agar negara lain menyedarinya.

Miller juga berkata Malaysia harus meneruskan usaha untuk mengeluarkan tenaga manusia mahir dan berbakat. -- BERNAMA

MAM KTC JR